






INDEKS HARGA PENGGUNA, MEI 2025


Malaysia mencatatkan kadar inflasi **1.2 peratus** pada Mei 2025, kadar terendah dalam tempoh 51 bulan



INFLASI MENGIKUT KUMPULAN UTAMA



PERUBAHAN INFLASI 573 ITEM MENGIKUT KATEGORI BARANGAN & PERKHIDMATAN



Nota: ■ April 2025 ■ Mei 2025
Peratusan Perubahan: Tahun ke tahun


Nota: ▲ Naik ▼ Turun ◀ Kekal
Sumber: Indeks Harga Pengguna Malaysia (2010=100), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



Inflasi Bulanan Malaysia, Mei 2024 – Mei 2025



@StatsMalaysia



Malaysia mencatatkan kadar inflasi 1.2 peratus pada Mei 2025, kadar terendah dalam tempoh 51 bulan

- Malaysia mencatatkan kadar inflasi 1.2 peratus pada Mei 2025, kadar terendah dalam tempoh 51 bulan dengan mata indeks mencatatkan 134.4 berbanding 132.8 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Kumpulan Makanan & Minuman meningkat perlahan 2.1 peratus pada Mei 2025. Ini didorong oleh subkumpulan Makanan di rumah yang tidak merekodkan sebarang peningkatan pada Mei 2025 berbanding April 2025 yang meningkat 0.5 peratus. Meskipun begitu, subkumpulan Makanan di luar rumah menunjukkan peningkatan lebih tinggi, 4.4 peratus berbanding 4.3 peratus pada bulan sebelumnya.
- Selain itu, kumpulan Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan, 3.7 peratus; Pendidikan, 2.2 peratus; Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, 1.7 peratus; Rekreasi, Sukan & Kebudayaan, 0.9 peratus dan Minuman Alkohol & Tembakau, 0.6 peratus turut meningkat perlahan pada Mei 2025. Di samping itu, kumpulan Pengangkutan (0.7%) dan Insurans & Perkhidmatan Kewangan (1.5%) meningkat pada kadar yang sama direkodkan pada bulan sebelumnya.
- Sebelas negeri merekodkan peningkatan di bawah paras inflasi nasional, 1.2 peratus dengan Kelantan merekodkan peningkatan terendah sebanyak 0.3 peratus pada Mei 2025. Walau bagaimanapun, lima negeri merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional iaitu Johor (1.8%), Negeri Sembilan (1.6%), Selangor (1.5%), Melaka (1.5%) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1.4%). Kesemua negeri mencatatkan peningkatan inflasi Makanan & Minuman. Peningkatan ini dicatatkan oleh Negeri Sembilan iaitu 3.4 peratus, diikuti oleh Wilayah Persekutuan Putrajaya (3.1%), Selangor (2.9%), Terengganu (2.6%), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2.6%), Johor (2.4%), Wilayah Persekutuan Labuan (2.4%), Melaka (2.3%) dan Sabah (2.1%), manakala, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras inflasi nasional bagi Makanan & Minuman (2.1%) pada Mei 2025.
- Inflasi keseluruhan secara bulanan meningkat 0.1 peratus pada Mei 2025 berbanding April 2025. Peningkatan ini didorong oleh Restoran & Perkhidmatan Penginapan (0.4%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (0.3%); manakala, kedua-dua Kesihatan dan Pendidikan meningkat 0.2 peratus. Selain itu, Makanan & Minuman; Minuman Alkohol & Tembakau dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah masing-masing meningkat 0.1 peratus.
- Inflasi teras menyederhana kepada 1.8 peratus pada Mei 2025 berbanding bulan sebelumnya (2.0%). Peningkatan ini didorong oleh Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (3.7%); Pendidikan (2.2%); Pengangkutan (2.1%) dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (2.1%).
- Bagi perbandingan inflasi dengan negara-negara terpilih, inflasi di Malaysia (1.2%) lebih rendah berbanding inflasi di Viet Nam (3.2%), Republik of Korea (1.9%), Indonesia (1.6%) dan Philippines (1.3%). Manakala, kadar tersebut lebih tinggi berbanding Thailand (-0.6%) dan China (-0.1%).

